

Dunia tidak
perlu
apa yang
kita ada.
la perlu
kita yang
seadanya.

– Sta. Teresia Benedicta
(Edith Stein)

Elia melarikan diri daripada mereka yang ingin membunuhnya. Dia hampir berputus asa, dan merayu kepada Tuhan untuk mengakhiri hidupnya. Kemudian, dia baring di atas tanah, dan menanti kematiannya. Walau bagaimanapun, Tuhan mengangkatnya bangkit dari rasa putus asa. Dua kali Elia mendapat makanan yang dihantar oleh seorang malaikat. Setelah dipelihara dan dikuatkan dengan kuasa Tuhan, dia bangun dan meneruskan perjalanan jauh hingga ke Gunung Horeb.

Umat Kristian di Efesus menyedihkan Roh Kudus dengan saling menaruh rasa dendam, hilang sabar, saling memarahi dan bersikap sombong diantara satu sama lain. Paulus dengan penuh kesabaran telah menasihati mereka, supaya, di dalam menghadapi cabaran sehari-hari, mereka harus mencontohi Tuhan dan mengikuti Kristus dengan menunjukkan rasa cinta kasih, bersikap sabar dan saling mengampuni di antara sesama.

Yesus berhadapan dengan orang Yahudi yang sangat marah dengan-Nya. Mereka tidak memahami siapa dia dan tidak senang kerana Dia telah berkata, "Akulah roti yang turun dari surga". Di dalam menghadapi ketidakselesaan dan kebencian mereka, Yesus dengan tenang meyakinkan mereka bahawa dia bukan hanya pemberi roti, tetapi dia adalah Roti Kehidupan. Dia adalah roti kebijaksanaan dan wahyu yang menyembuhkan semua yang datang kepadanya.

Walaupun kita menghadapi pelbagai kesusahan dan cabaran hidup, namun bersama Tuhan kita pasti dapat bangkit dari kejatuhan dan berjalan dengan lebih jauh, untuk saling memaafkan dan memberikan pipi kita yang sebelah lagi, melepaskan sesuatu untuk kebaikan orang lain, dan bertahan dengan penuh keberanian demi satu kebenaran. Pasti tidak mudah bagi Maria menurut kepada panggilan Tuhan untuk menjadi ibu kepada Yesus. Dia tahu dia akan menghadapi kesusahan dan bahkan permusuhan. Namun, dia tetap berkata 'ya' dan betapa besar kesannya kepada dunia. **Semoga kita juga akan membenarkan Tuhan menggunakan kita sebagai alat-Nya** bagi memberi harapan, cinta kasih dan kedamaian di dunia yang penuh liku ini! †

Perkataan
mingguan

Semoga kita juga akan
membenarkan Tuhan
menggunakan kita
sebagai alat-Nya

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-19

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:

**JANGAN TAKUT. KITA KEPUNYAAN KRISTUS
BERSAMA-SAMA DENGAN MARIA**

Di Dalam Dunia Yang Berliku

Pembacaan pada hari ini mempunyai mesej yang amat penting untuk kita. Tuhan hadir di dalam kehidupan kita yang penuh liku. Dia hadir untuk mengingatkan kita bahawa pastinya akan ada cahaya di penghujung terowong yang gelap, kebenaran pasti akan mematahkan penipuan, kesabaran akan memenangi kemarahan, kepercayaan akan menenggelamkan ketakutan, dan ketidakpastian pasti akan membuka jalan kepada pemahaman.



**GEREJA VISITATION**

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
 Emel : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki : Rev. Fr George Harrison
 Pembantu Paderi Paroki: Fr. Xavier Andrew

PEMURIDAN : MENJADI MURID HARAPAN.

Harapan : Jangan Takut, Kita adalah milik Kristus dan Maria (Ogos) 2018

*KeArah 170 tahun Paroki Visitation
(1848 - 2018)*

WAKTU PEJABAT PAROKI
 Isnin - Jumaat
 8.30pg - 5.30ptg
 Sabtu : 8.30pg - 7.30ptg
 Ahad: 8.30pg - 3.00ptg
 Pengakuan di Gereja boleh dibuat ½
jam sebelum semua Misa mengikut kesediaan Paderi

**PROGRAM MINGGU INI 11 - 19 OGOS 2018**

HARI MINGGU BIASA KE-19: 1 Raj 19, 4-8, Mzm 33, 2-3, 4-5, 6-7, 8-9 Ef 4, 30, 5, 2 Yun 6, 41-51
"Kecaplah betapa sedapnya Tuhan. Kecaplah betapa sedapnya Tuhan" (Mazmur 77)

Sab	11	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari / Novena / Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : Belia)	Bible Knowledge (BK) : 2.30 ptg di Dewan Visitation (U/S) (F. 3,4,5)
Ahad	12	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 ptg	Misa Kudus (T) (Animasi: Media Teak) Misa Kudus (E) (Animasi: Liturgi) Misa Kudus (C) 4.30 ptg : Titi (M) Misa Kudus (BM)	RE(T): 8.45-10.15pg; RE(C): 9-10.30pg; RE(E) & (BM) 10.45-12.15tgh RCIA (T) 9.00-10.30 pg; RCIA (BM) 11.00 pg - 12.30 tgh RCIA (E) 11.00-12.30 ptg; RCIA (M) : 8.45 pg - 10.15 pg
Is	13	6.45 pg	Misa Kudus Karismatik (E) 7.30 ptg di Dewan Visitation. Semua adalah dijemput.	
Sel	14	Tiada Misa Pagi Rekoleksi Bulanan Paderi di APC, Kuala Lumpur		
Rab	15	Kenaikan SBM (Hari Wajib) : 6.45 pg : (Eng); 8.00 ptg : (Dwi-Bahasa); 4.30 ptg : Titi (M)		
Kha	16	6.45 pg	Misa Kudus Karismatik (T) 7.30 ptg di Dewan Visitation. Semua adalah dijemput.	
Ju	17	6.45 pg	Misa Kudus 7.30 ptg : Jam Suci diikuti dengan Misa (T) di Chapel Velangkanni, Gadong	

HARI MINGGU BIASA KE 20: Ams 9, 1-6 Mzm 33, 2-3, 10-11, 12-13, 14-15 Ef 5, 15-20 Yun 6, 51-58
"Makanlah Dan Minumlah Roti Dari Tuhanmu: Kenangan Perjanjian Baru" (Mzm 33)

Sab	18	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari / Novena / Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : St. Cecilia)	Bible Knowledge (BK) : 2.30 ptg di Dewan Visitation (U/S) (F. 3,4,5) 7.00 ptg : Pembaptisan Bayi
Ahad	19	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 ptg	Misa Kudus (T) (Animasi : Media Team) Misa Kudus (E) (Animasi : St. Daniel) Misa Kudus (C) Tiada misa bahasa di Gereja	RE(T): 8.45-10.15pg; RE(C): 9-10.30pg; RE(E) & (BM) 10.45-12.15tgh RCIA (T) 9.00-10.30 pg; RCIA (BM) 11.00 pg -12.30ptg RCIA (E) 11.00-12.30tgh; RCIA(M) : 8.45-10.15 pg Hari Orang Asal Sedunia 2018 di Kg Sebir : 8.00 pg - 4.00 ptg (Misa pada 1.00 ptg)

Kami mengalu-alukan ahli paroki/pelajar daripada Universiti / Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau emel kepada kami di : serembanvisitation@gmail.com. Anda akan menerima Kad Doa (Magnificat). Berdoalah setiap hari.

BERITA / ACARA BAGI OGOS 2018**i) Pungutan Mingguan Paroki :**

- a) 04 / 05 Ogos : RM10,259.20
- b) *Ministry of Social Concern* : RM5,935.80
Tuhan Memberkati Semua Penderma

ii) Ministri Muzik Visitation menjemput ahli paroki yang berminat untuk menyertai koir. Hubungi Susanne – 017-8846604

Berdoa bagi mereka yang telah meninggal dunia :

- a) Joseph Chong Chan Yen (d.o.d : 04/08/2018)
- b) A. Roselene a/p Anthony (d.o.d : 05/08/18)
- c) Anthony Das a/l Joseph (d.o.d : 07/08/2018)
- d) Ernest Purshotam (d.o.d. : (d.o.d : 09/08/2018)
Semoga cahaya terang bersinar ke atas mereka.

➤ Pengebumian di Perkuburan Sikamat

- Dalam sesuatu acara pengebumian seorang Katolik daripada paroki Visitation, perkhidmatan pengebumian di Gereja perlu dimohon oleh ahli keluarga.
- Tempat pengebumian di Perkuburan Sikamat perlu dimohon oleh ahli keluarga di MPS. Oleh kerana terdapat kekurangan tempat pengebumian, surat rujukan kepada MPS untuk permohonan akan dikeluarkan oleh Gereja (paderi paroki).
- Pada bila-bila masa sekiranya MPS ditutup pada hujung minggu atau cuti umum atau pejabat paroki ditutup, sila hubungi Mr. T. Xavier (012-6800016).
- **Mega Indian Food & Fun Fair 2018** - Projek Mengumpul Dana satu komuniti oleh *Malaysia Hindu Sasngam*
Tarikh : 26 Og 2018 @ 10.00 pg - 3.00 ptg

Pengumuman Perkahwinan :

- a) Arul Thiban & Paulinea Geetha pd 18/8/18 @ 11.00 pg
- b) Clement Connery & Christine Cheah pd 18/08/18 @ 3.30 ptg

Terima kasih untuk animasi Misa : KED Belia dan Liturgi untuk minggu ini.

➤ Ulang Tahun 170 Tahun *Cornerstone "Coffee Table" Book*. - RM40/- per naskah. Ahli paroki adalah digalakkan untuk membantu mengambil beberapa naskah (5 naskah) untuk dijual di luar. Anda boleh membayar kemudian. Sila bertemu dengan petugas yang bertugas berdekatan dengan grotto.

➤ **Ministry of the Poor** - ("Gereja mereka yang miskin untuk mereka yang miskin" -Paus Franciskus). Ini adalah Ministri baharu yang akan dilancarkan untuk membantu mereka yang miskin dan memerlukan daripada paroki. Lebih banyak maklumat akan diberitahu kemudian. Derma adalah dialu-alukan. Kami juga mencari mereka yang ingin mendermakan rumah kosong dengan tujuan membantu mereka yang miskin. Sila maklumkan kepada pejabat paroki. Untuk maklumat lanjut sila hubungi Stephen Dionisappu (016-6110681)

➤ Membuat **Logo untuk St. Mary Kindergarten**, Jalan Lee Sam. Kami menyeru semua kanak-kanak sekolah minggu untuk mereka logo untuk tadika ini, yang membawa nilai Pendidikan, Kasih dan Damai. (Gaudium - Caritas - Scientia). Pemenang akan dianugerahkan. Maklumat lanjut akan diberitahu kemudian. Sila dapatkan boring penyertaan daripada pejabat paroki hari ini! (Tarikh tutup : 16/9/2018)

➤ Program Hujung Minggu Choice 2018:

- (i) Tamil di Visitation : 24 (Jum) hingga 26 (Ahad) Ogos 2018 (Hubungi : Raymond - 016-6894257)
- (ii) Choice English (APC): 5 (Jum) hingga 07 (Ahad) Oktober 2018 - choiceklrecruitment@gmail.com

➤ Sambutan Hari Orang Asal Sedunia 2018 (Sabah/Sarawak/ Orang Asli)

Ahad 19 Ogos @ 10.00 pg - 4.00 ptg di Chapel Cahaya Kristus, Kg. Sebir
 1.00 ptg : Misa (BM)
 (Permainan / Pameran / Persembahan / Makanan)

➤ **PMEIA Induction Programme** untuk semua ahli paroki, sebuah pengenalan tentang *Interfaith Dialogue & Ecumenical* : 22/8/18 (Rabu) (cuti umum) - 9.00 pg - 2.00 ptg. Pendaftaran dibuka - Hubungi Christopher K. (019-6216194) . Peringkat Negeri RM10.00 seorang.

• 14 Ogos (Sel) : 7.30ptg tepat di Dewan Visitation (tingkat bawah)- Mesyuarat & perbincangan

- PPC, BECAT, Ketu Zon, PCC,
Semua ketua sila hadir. Terima kasih. Fr. George
- **Feast of Chapel St. Augustine, Titi** : 26 Ogos (Ahad) @ 4.30 ptg
- **Pembaptisan Bayi** : 18/8/18 @ 7.00 ptg
- **Pembaptisan Khas untuk semua kanak-kanak sekolah minggu**: 25/8/18 @ 10.00 am
- **Kunjungan ke rumah oleh Paderi** - Bulan ogos - Zon 13 Senawang & Zon 14 TTJ (Ketua akan dimaklumkan)

• Pesta Gadong- Chapel Velangkanno : 7 - 9 Sept. 2018.

7/9 (Jum) - 7.00 ptg : Rosari/Jam Suci/Menaikkan Bendera/Misa
8/9 (Sab) - 6.00 ptg : Rosari/ Misa Kudus/ Procession / Benediction
9/9 (Ahad) - 10.30 pg Misa Pesta

• Jemputan ke **F.I.R.E Conference 2018** anjuran SFX CCR
 Kami mengalu-alukan wakil daripada SFX untuk menyebarkan lembaran.